

RAILS

MENGUNGGULI PENGURUSAN ASET KERETA API NEGARA

RAC NEWSLETTER 2022/2

PERUTUSAN PENGURUS BESAR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Keluarga RAC,

Keluarga RAC yang saya kasihi,

PEMATUHAN SOP - BENDUNG COVID-19

Seperti yang tuan/puan sedia maklum, kes jangkitan COVID-19 kian meningkat secara mendadak sejak kebelakangan ini. Sehubungan itu, saya ingin mengingatkan kita semua agar tidak bersikap sambil lewa terhadap kelonggaran SOP yang diberikan. Hakikatnya, kita terpaksa hidup bersama COVID-19.

Dalam usaha membantu negara dalam ekonomi serta persediaan menjalani kehidupan fasa endemik dengan selamat, kita semua harus mematuhi SOP untuk membendung penularan wabak COVID-19. Antara langkah yang harus dilaksanakan ialah mengambil vaksinasi dos penggalak (*booster*) dan mengukuhkan tindakan kesihatan awam sendiri dengan mengamalkan TRIIS iaitu:

TEST – Melakukan ujian pengesanan COVID-19 secara sendiri sekiranya mengalami simptom-simptom jangkitan;

REPORT – Laporkan keputusan ujian pengesanan secepat mungkin melalui aplikasi MySejahtera;

ISOLATE – Lakukan kuarantin atau pengasingan sendiri dengan segera dan penuh disiplin sekiranya didapati positif supaya tidak membahayakan orang sekeliling;

INFORM – Segera maklum kepada kontak rapat anda sekiranya didapati positif dan laporkan juga semua kontak rapat melalui pautan di dalam MySejahtera. Maklumkan juga kepada CAC berhampiran sekiranya situasi kesihatan diri semakin merosot semasa menjalani kuarantin di rumah; dan

SEEK – Dapatkan rawatan segera di pusat-pusat perubatan atau CAC berhampiran sekiranya alami gejala berat.

Saya berdoa agar kita semua dirahmati dan sentiasa dilindungi oleh-Nya. Terima kasih kepada keluarga RAC yang telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat secara atas talian pada 24 Februari untuk memohon perlindungan dan kesihatan daripada Allah SWT agar seluruh Keluarga Malaysia dijauhkan daripada jangkitan wabak COVID-19.

MENGENAI RAILS

Newsletter RAILS ini diwujudkan untuk memberi maklumat yang terkini berkaitan dengan dasar & halatuju baharu, perkhidmatan, operasi, pentadbiran & lain-lain perkara di RAC untuk makluman dan perhatian warga kerja sekalian secara ringkas.

RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Aras 16, IOI City Tower Two,
Lebuhr IRC, IOI Resort City,
62502 Putrajaya Sepang,
Selangor Darul Ehsan.

Untuk sebarang pertanyaan, cadangan atau jika anda mahu menyumbang untuk RAILS, e-mel kami di pro@rac.gov.my

MEMRAIKAN PASUKAN SUKARELAWAN MISI #DARURAT SELANGOR

Majlis Apresiasi Sukarelawan RAC Misi #DaruratSelangor telah diadakan bagi menghargai lebih 60 Keluarga RAC yang menyertai Pasukan Sukarelawan RAC pada 28 Januari 2022.

Pasukan sukarelawan Misi #DaruratSelangor ditubuhkan lanjutan daripada KEPERIHATINAN keluarga RAC dengan nasib 11 kakitangannya yang terkesan akibat banjir kilat yang berlaku di Selangor.

Melalui Kelab Sosial dan Kebajikan Perbadanan Aset Keretapi (KSKRAC) peruntukan berjumlah RM50,000 telah disalurkan oleh RAC untuk melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat bagi membantu kakitangan dan mangsa-mangsa banjir lain yang terlibat.

Dalam tiga minggu, sebanyak empat (4) program CSR telah dilaksanakan di Hulu Langat dan Shah Alam antaranya pembersihan kediaman kakitangan, rumah-rumah ibadat, dewan orang ramai dan juga penyampaian sumbangan.

PERHUBUNGAN PELANGGAN

Selepas dua (2) tahun pandemik COVID-19 melanda negara kita, banyak perniagaan telah terjejas akibat darinya. Bagi membina pengiktirafan jenama, penglibatan dan kesetiaan keseluruhan dengan pemegang taruh, RAC telah memberikan kad ucapan Tahun Baru Cina dan paket angpau kepada pelanggan setia yang menyambut hari perayaan tersebut. RAC menghargai pelanggannya dan ingin mengeratkan lagi hubungan profesional sekaligus mengucapkan selamat maju jaya untuk perniagaan mereka di masa yang akan datang.



LAWATAN KERJA

JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH

Saya bersama-sama delegasi RAC telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) dan kami disambut oleh Pengarah JKNS, Tn. Leonard Stephen Poyong. Beliau telah memberi taklimat komprehensif mengenai pengoperasian kereta api di negeri itu.

Kemudian JKNS mengiringi kami ke Stesen Halogilat untuk memeriksa *concrete sleeper* yang dibeli oleh JKNS daripada RAC. Perjalanan dari Stesen Tanjung Aru ke Stesen Tenom dengan menaiki kereta api memberi pengalaman yang berharga kepada delegasi RAC.



Gambarajah ini menunjukkan Concrete Sleeper di Stesen Halogilat, Sabah.

Ia adalah sejenis ikatan kereta api yang diperbuat daripada konkrit bertetulang keluli.





PELAN ANTI-RASUAH (OACP)

Bengkel Pemurnian Pembangunan Buku Pelan Anti-Rasuah (OACP) RAC telah diadakan di Hotel Le-Meridien Kota Kinabalu, Sabah. Saya dan 23 orang pegawai berkesempatan untuk menghadiri bengkel yang diketuai oleh Fasilitator Institut Integriti Malaysia (IIM). Hasil daripada pelaksanaan Bengkel OACP RAC tersebut, dijangkakan pelan OACP RAC dapat dilancarkan pada bulan Jun 2022 nanti.



IMEJ KORPORAT

Tiga kiosk di Stesen Bangi telah diberikan pengindahan imej dengan lukisan mural oleh artis tempatan. Tujuan mural adalah untuk menceritakan kisah masyarakat, mencipta pengalaman unik, meningkatkan trafik pejalan kaki, penumpang keretapi dan pelancongan, meningkatkan penghargaan terhadap seni dan artis serta meningkatkan daya tarikan ruang keseluruhan.

Dengan itu, tema yang dipilih adalah berdasarkan Konsep Keluarga Malaysia seperti yang telah dicetuskan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 22 Ogos 2021 dalam ucapan perasmian sebagai Perdana Menteri ke-9.

Diharapkan lukisan mural ini dapat menarik pelanggan ke Stesen Komuter Bangi sekaligus membantu penyewa di kiosk tersebut.

PENUTUP

Di bulan Sya'ban yang cuma berbaki beberapa hari ini untuk menemukan kita dengan bulan Ramadhan, semoga umur kita sampai untuk mengecapi nikmat dan kemanisan penghulu segala bulan itu. Sudah tentu kita bersemangat memikirkan apakah yang perlu dilakukan supaya puasa akan datang lebih baik daripada tahun sebelumnya. Mudah-mudahan kita dapat menjejaki bulan Ramadan yang akan datang.

Saya akhiri kata-kata saya kali ini dengan serangkap pantun:

Dari Stesen Gemas ke Stesen Kajang,
Bawa teman makan sate,
Perjalanan balik kampung harus dirancang,
Nanti Raya kita mengeteh!

Sekian.

Wassalam,

ADAM BIN ABU HANIPAH
PENGURUS BESAR RAC